



**UCAPAN PERASMIAN
YB. DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA
"PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH"
BAGI PROJEK PEMBETUNGAN LANGAT**

PADA 13 NOVEMBER 2019

SALUTATION (tertakluk kepada pengesahan kehadiran)

Salam Sejahtera Dan Selamat Pagi,

Terima kasih Saudara Pengerusi Majlis.

YANG BERUSAHA PUAN AZIZAH BINTI ARIFFIN,
Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan),
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERUSAHA ENCIK AHMAD ROZIAN BIN OTHMAN,
Timbalan Ketua Pengarah,
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan;

YANG BERUSAHA ENCIK MOHD AZRUL BIN YUSOF,
Penolong PPD Unit Menengah dan Tingkatan Enam, Sektor Pengurusan
Sekolah,
Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat;

YANG BERUSAHA ENCIK RAZIN GHAZALI,
Ketua Pegawai Operasi
MMC Corporation Berhad;

Guru-Guru, Para Pelajar, wakil media massa, Tuan-Tuan dan Puan Puan hadirin sekalian.

1. Pertama sekali, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama dalam **PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH** bagi sesi persekolahan tahun 2020 di Tapak Projek Pembetungan Langat atau lebih dikenali sebagai Langat CSTP.

2. Saya difahamkan terdapat 22 buah sekolah yang terlibat dalam jajaran projek ini dan ucapan terima kasih kepada semua wakil pelajar dan guru daripada sekolah-sekolah ini yang hadir pada hari ini.

Hadirin sekalian,

3. Untuk makluman semua, kawasan lembangan Sungai Langat (Cheras-Kajang) merupakan antara kawasan yang paling pesat membangun dan jumlah Penduduk Setara (Population Equivalent) dijangka akan meningkat kepada sekurang-kurangnya 835,000 PE menjelang tahun 2035.

4. Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara maju dengan dasar perlindungan sosial dan alam sekitar yang baik, **sistem pembetungan (sewerage) kita perlu dinaik taraf kepada sistem yang lebih terancang dan teratur.** Kebanyakan loji-loji kecil sedia ada yang dibina sebelum tahun 1999 tidak mempunyai keupayaan untuk merawat air sisa atau efluen ke Piawaian A seperti yang dikehendaki oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Akta Kualiti Sekeliling 1974 (Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Kumbahan) 2009).

5. Sehubungan dengan itu, **Kerajaan Persekutuan** telah memperuntukkan **RM1.5 billion** bagi **mempertingkatkan mutu**

perkhidmatan pembedungan bagi kawasan tadahan pembedungan Langat demi kesejahteraan rakyat dan menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar.

6. Apabila siap kelak, sebanyak 232 loji-loji rawatan kumbahan kecil sedia ada di kawasan Cheras-Kajang akan dirasionalisasi dan aliran kumbahan akan disambungkan kepada Langat CSTP. Loji ini mampu mengurangkan sehingga 80% pencemaran ammonia sebelum air kumbahan terawat disalurkan ke Sungai Langat.

7. Pada Oktober yang lalu, kita telah menyaksikan loji ini mula beroperasi dan telah menerima aliran air kumbahan yang pertama. Syabas diucapkan kepada pasukan Projek Pembedungan Langat serta agensi-agensi yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

Hadirin Sekalian,

8. Dalam mencapai hasrat kerajaan untuk menambahbaik kehidupan rakyat terutama dari segi pembinaan sistem pembedungan yang lebih efisien, langkah-langkah keselamatan tetap menjadi keutamaan dan amat dititikberatkan dalam mana-mana projek pembinaan. Suka saya umumkan bahawa projek ini telah mencapai Kerja Tanpa Masa Kecederaan sebanyak 11 juta lebih dengan tiada kecederaan pekerja atau orang awam selama 5 tahun beroperasi sehingga sekarang.

9. Di samping sentiasa mengekalkan aspek keselamatan di tempat pembinaan, Kerajaan memahami tentang risiko keselamatan yang dihadapi oleh orang awam terutamanya kanak-kanak. Projek ini melibatkan penyambungan paip sejauh 105 km, jadi seharusnya

perjalanan dan pemindahan mesin-mesin berat seperti lori treler dan *excavator* berkemungkinan mengundang bahaya kepada orang awam.

10. Oleh kerana itu, dengan adanya program kesedaran keselamatan seperti hari ini, kita mengharapkan agar dapat membantu pihak sekolah dalam menyampaikan mesej keselamatan kepada murid-murid contohnya seperti tidak bermain di kawasan tapak pembinaan dan juga lurang kumbahan (*manhole*).

Hadirin Sekalian,

11. Kurang daripada dua bulan sahaja lagi, pelajar-pelajar akan mula kembali ke sekolah untuk sesi persekolahan tahun 2020. Pihak Kerajaan mengambil maklum tentang bebanan yang perlu ditanggung oleh keluarga yang kurang berkemampuan dari segi penyediaan keperluan barangan sekolah. Oleh itu, saya merasa sukacita kerana kita dapat mengadakan program Kembali Ke Sekolah ini dan diharap sumbangan yang diberikan dapat membantu meringankan serba sedikit perbelanjaan keluarga.

12. Pihak sekolah juga bakal menerima peralatan keselamatan seperti pengusung (*Stretcher*) dan *First Aid Kit* untuk memudahkan tindakan segera sekiranya berlaku apa-apa kemalangan dan kecederaan di sekolah.

13. Jutaan tahniah diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, pihak MMC PLSB, dan agensi-agensi yang sama-sama bertungkus lumus menjayakan program ini.

14. Dengan rasa sukacitanya, saya merasmikan Program Kembali ke Sekolah bagi sekolah-sekolah yang terlibat dalam jajaran Projek Pembedung Langat.

Sekian, terima kasih.